



# Berita-SISFEC

Isu 1 (Julai – September 2017)

**Artikel menarik:**

- Save the Earth.
- A Day with Rohingya di SISFEC.
- Kem Perhutanan 2017 kembali.

**Berita di sini:**

- Save the Earth 2
- Program PNB 2
- PPAS PPKI 3
- Rohingya 3
- MPSJ 4
- Herba DBKL 4
- Kem Hutan 5
- ICBR 6
- IPB 6

## Fakta dan Angka SISFEC

BIL.	MAKLUMAT	JUMLAH / MAKLUMAT
1.	<b>NAAMA</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Hutan Simpan Ayer Hitam</li> <li>Pusat Pendidikan Perhutanan Sultan Idris Shah (SISFEC)</li> </ul> <b>LOKASI</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>24 kilometer dari Shah Alam</li> <li>25 kilometer dari Kuala Lumpur</li> <li>20 kilometer dari Putrajaya</li> </ul>	Pada tahun 21 Mac 2012  GPS 300° 2.57" N 101038°38.82" E
2.	<b>SEJARAH DAN LATARBELAKANG</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Digazetkan sebagai hutan simpanan pada tahun</li> <li>Keluasan asal</li> <li>Jenis hutan</li> <li>Hutan Sekunder</li> <li>Keluasan terkini hingga 2015</li> </ul>	1906 4270.7 hektar (22 kompartmen) Hutan Tanah Pemeh Dipterocarp Dibalak bermula tahun 1960an 1182.07 hektar (6 kompartmen)
3.	<b>STATUS TERKINI</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kebenaran UPM untuk menggunakan kawasan hutan oleh kerajaan negeri</li> <li>Jangkamasa perjanjian</li> <li>Tujuan penggunaan kawasan hutan</li> <li>Pengelasan sebagai hutan pengajaran dan penyelidikan</li> </ul>	Perjanjian pada 7 Okt 1996  99 tahun : 1996 hingga 2095 Penyelidikan, Pendidikan dan Pengembangan Pada Januari 2009
4.	<b>ORI-CIRI GEOGRAFI</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Spesic pokok yang banyak mendominasi</li> <li>Ketinggian</li> <li>Puncak tertinggi</li> <li>Kecerunan</li> </ul>	Kelat-Kedondong-Beberapa sp Dipterocarp 15 meter hingga 233 meter dari aras laut Bukit Permatang Kumbang 10-20%
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jenis Tanah</li> <li>Suhu</li> <li>Kelembapan relatif</li> </ul>	Serdang-Bungor, Serdang-Kedah series 22.7°C– 32.1°C Di antara 59% dan 96%
5.	<b>FLORA</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>430 species of flowering plants</li> <li>33 species of ferns</li> <li>127 timber species</li> <li>29 species fruit trees</li> <li>121 Herbaceous plants</li> <li>4 species bamboos</li> <li>7 species palms</li> </ul> <b>FAUNA</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>208 species birds</li> <li>5 species primates</li> <li>14 species small mammals</li> <li>13 species bats</li> <li>2 species reptiles</li> <li>18 species frogs</li> <li>10 species fishes</li> </ul>	<b>7. PENGGUNAAN SEMASA</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pemuliharaan kepelbagaian biologi</li> <li>Pengajaran dan pembelajaran</li> <li>Penyelidikan</li> <li>Perlindungan habitat</li> <li>Nilai estetika</li> <li>Edu-pelancongan</li> <li>Program kesedaran komuniti</li> </ul>
6.	<b>FASILITI DAN INFRASTRUKTUR</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kompleks Agrobio</li> <li>Tapak Perkhemahan</li> <li>Stesen Penginapan</li> <li>Tapak Semaian</li> <li>Taman Ubatan Hutan</li> <li>Jalur lebar</li> </ul>	<b>8. KEPENTINGAN</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pengajaran, penyelidikan, dan pengembangan kepada UPM</li> <li>Refugia untuk tumbuhan dan haiwan</li> <li>Usaha pemuliharaan in-situ terbesar di Lembah Klang iaitu</li> <li>Mitigasi banjir tempatan</li> <li>Kawasan penyerapan karbon terbesar di Lembah Klang</li> <li>Pendidikan persekitaran kepada masyarakat</li> </ul>
	<b>6. FASILITI DAN INFRASTRUKTUR</b>	<b>9. SASARAN MASA HADAPAN</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>Penggunaan secara optimum untuk pengajaran, penyelidikan dan pengembangan perhutanan dan alam sekitar</li> <li>Penyelidikan bersepadu antarabangsa-</li> <li>Perkhidmatan dikembangkan kepada industri dan komuniti</li> <li>Pendidikan perhutanan serantau</li> <li>Memberi tumpuan kepada pemuliharaan</li> <li>Menjadi model hutan pendidikan dan penyelidikan</li> </ul>

## 'SAVE THE EARTH' BERSAMA KWSP



*"Memupuk semangat menghijaukan bumi (go-green) dalam melestarikan alam sekitar demi kesihatan manusia."*

Puchong, 7 Jan – Fakulti Perhutanan dengan kerjasama Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dari Jabatan Caruman telah berjaya menganjurkan Program 'Save The Earth'.

Program ini telah diadakan pada 7 Januari 2017 di Pusat Pendidikan Perhutanan Sultan Idris Shah (SISFEC). Seramai 50 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan

KWSP Jabatan Caruman terlibat dalam program ini.

Pengurus Besar Jabatan Caruman KWSP ini berkata objektif program kali ini adalah untuk memupuk kesedaran di kalangan anggota KWSP bahawa keprihatinan berkaitan alam sekitar adalah tanggungjawab bersama dan mewujudkan semangat menghijaukan bumi (go-green) dalam melestarikan alam sekitar demi kesihatan manusia termasuk makluk sejagat.

Program ini diadakan

selama satu hari dengan modul-modul aktiviti pula dikendalikan oleh Pensyarah, staf dan pelajar Fakulti Perhutanan sebagai fasilitator. Sebanyak 50 anak pokok dari spesies Cengal, Meranti Temak dan Balau Sengkawang telah ditanam.



## Permodalan Nasional Berhad – Program Interpretasi Alam @ SISFEC



*Penerangan kegunaan pokok herba oleh staf SISFEC*

Puchong, 25 Mac - Seramai 17 orang staf daripada Permodalan Nasional Berhad telah menyertai lawatan sambil belajar ke SISFEC, Hutan Simpan Ayer Hitam, Puchong.

Objektif lawatan ini adalah untuk mendekati dan mempelajari dengan lebih dekat tentang asas sains perhutanan dan mengetahui tentang flora dan fauna.

Dalam lawatan ini, para peserta didedahkan dengan kepentingan dan peranan hutan terhadap masyarakat sekeliling.

Sepanjang program ini, peserta telah didedahkan dengan kepelbagaian spesies tumbuhan yang terdapat di sepanjang laluan.



## Program Pendidikan Alam Semulajadi (PPAS) Bersama Murid-Murid Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)



Puchong, - Pada 2 Ogos 2017, Fakulti Perhutanan telah menganjurkan Program Pendidikan Alam Semulajadi (PPAS) Bersama Murid-Murid

Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Program dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah Sepang ini telah dijalankan buat kali kedua di Pusat

Pendidikan Perhutanan Sultan Idris Shah (SISFEC). Seramai 19 orang murid yang berumur antara 7-12 tahun daripada Sekolah Kebangsaan Taman Pinggiran Putra telah menyertai program ini. Program ini bertujuan mendedahkan murid-murid PPKI kepada persekitaran dan kepelbagaian sumber hutan.

Program ini telah mendapat perhatian dan sumbangan dari beberapa agensi dan individu

antaranya Malaysian Timber and Industry Board (MTIB), Malaysian timber Council (MTC), Persatuan Perindustrian Perabot Kuala Lumpur dan Selangor (KLSFE), Evergreen Engineering and Resources dan YBhg. Datin Rohana Talib

Di akhir program ini, murid-murid dapat mengenali elemen asas semulajadi hutan dan dapat memahami perkaitan dan saling kebergantungan hidupan flora dan fauna

## A Day with Rohingya Children @ SISFEC

Puchong, 16 September- Program ini merupakan kerjasama antara Universiti Putra Malaysia Malaysia (UPM) melalui Sekolah Pengajian Siswazah dan Fakulti Perhutanan dengan Asean Young Leaders Forum (AYLF) dan Badan Kebajikan Islam Telekom (BAKIT).

SISFEC telah terpilih sebagai lokasi bagi menjalankan program ini. Penganjuran program ini adalah sebagai satu bentuk sokongan kepada

golongan pelarian Rohingya. Program ini telah disertai kira-kira 100 orang yang terdiri daripada kanak-kanak Rohingya, pegawai, pelajar siswazah UPM dan pegawai agensi yang terlibat.

Perasmian program ini disempurnakan oleh YBhg. Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UPM. Antara aktiviti yang dijalankan termasuklah aktiviti penanaman anak pokok, aktiviti bermodul,

ceramah dan mini explorace.



*“Program ini adalah sebagai satu bentuk sokongan kepada golongan pelarian Rohingya.”*



*Aktiviti Modul*



*Aktiviti Penanaman Pokok Karas*

## Program Pendidikan Perhutanan MPSJ-UPM 2017 -SIRI 1

*“Program yang diadakan secara tahunan ini bertujuan menanam kesedaran tentang kepentingan pemeliharaan.”*



Puchong, 30 Sept 2017- Fakulti Perhutanan dengan kerjasama Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) sekali lagi telah menjalankan Program Pendidikan Perhutanan MPSJ-UPM 2017 Siri 1.

Program yang diadakan secara tahunan ini adalah bertujuan menanam

kesedaran tentang kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan hutan kepada masyarakat awam dan juga memberi penerangan berkenaan pengurusan sampah dan sisa domestik.

Untuk Siri 1 ini peserta adalah dari kalangan penduduk daripada Zon 6 dan Zon 14 di mana

mereka juga telah diberi peluang untuk membuat lawatan ke dalam SISFEC. Seramai 31 orang penduduk dari pelbagai latar belakang telah menyertai program ini. Semua peserta diberi taklimat oleh UPM dan MPSJ dan kemudiannya disambung dengan aktiviti interpretasi hutan.



*Sesi bergambar bersama*

## Kursus Lanjutan Herba DBKL – Ekspedisi Tumbuhan Herba @ SISFEC



*Penerangan oleh tenaga pengajar Tn. Hj Din*

Puchong, 21 Mei- SISFEC merupakan lokasi terbaik bagi mempelajari pokok herba dan khasiatnya dan melihat sendiri pertumbuhannya di alam semulajadi.

Oleh itu, satu kursus berkenaan pokok herba telah berjaya diadakan di SISFEC pada 21 Mei 2017 selama satu hari.

Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk

memberi pendedahan kepada peserta tentang pokok herba yang terdapat di dalam hutan dan kegunaan serta mempelajari pengecaman pokok tersebut.

Kursus ini disertai oleh Masyarakat dari perumahan dalam kawasan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) seramai 24 orang.

Kursus ini adalah anjuran

bersama DBKL dan Fakulti Perhutanan UPM. Diharap dapat memberi kesedaran kepada masyarakat tentang tumbuhan herba dan menggalakan supaya mewujudkan satu taman herba di kawasan perumahan.



## Kem Perhutanan 2017 Kembali !

Puchong, 13 Okt. - Kem Perhutanan merupakan komponen dalam Latihan Kerja Praktik dan merupakan syarat bergraduasi bagi pelajar Fakulti Perhutanan.

Mendukung objektif untuk menggalakkan interaksi dan memupuk semangat setiakawan, berkerjasama dan toleransi di kalangan pelajar berbilang kaum serta membentuk personaliti yang serba boleh dan sentiasa bersedia untuk menghadapi cabaran profesyen perhutanan.

Kem yang disertai oleh 143 orang pelajar tahun pertama dari program

Bachelor Sains Perhutanan, Bachelor Sains Teknologi kayu dan Bachelor Sains Taman dan Rekreasi ini telah diadakan selama dua minggu di Pusat Pendidikan Perhutanan Sultan Idris Shah (SISFEC) Puchong pada 6 hingga 19 Ogos 2017.

Pada tahun ini, terdapat peserta dari antarabangsa turut menyertai kem kali ini iaitu dari Universitas Hasanuddin (UNHAS) dari Indonesia seramai 6 orang.

Majlis Penutup kem ini pada 18 Ogos 2017 telah disempurnakan oleh

YBhg. Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UPM.



## Lawatan Kerja Perdana University

Puchong, 11 Okt.- SISFEC telah menerima delegasi dari Perdana University pada 11 Oktober 2017.

Lawatan ini diketuai oleh Chief Operating Officer & Registrar Puan Norpisah Mat Isa bersama 3 orang lagi dari Bahagian Kewangan, Penyelidikan dan Pejabat Operasi.

Lawatan ini bertujuan untuk bertukar-tukar pandangan dan idea berkenaan aktiviti penyelidikan dan pengajaran yang boleh dijalankan bersama dan

untuk melihat kerjasama yang boleh dilaksanakan pada masa akan datang.

Lawatan bermula dengan sesi taklimat berkenaan Fakulti Perhutanan dan SISFEC seterusnya majlis penanaman pokok. Ahli delegasi seterusnya dibawa melihat sekitar prasarana dan kemudahan yang ada dan dibawa ke lokasi menarik di sekitar hutan.

Lawatan berakhir pada jam 12 tengah hari.



*Sesi bergambar*



*Aktiviti Penanaman Pokok*

**HUBUNGI:**

Pusat Pendidikan Perhutanan  
Sultan Idris Shah  
Fakulti Perhutanan  
Universiti Putra Malaysia

PHONE:  
(03) 8946 7171 /  
(03) 8947 1381

FAX:  
(03) 8943 2514

E-MAIL:  
[forr@upm.edu.my](mailto:forr@upm.edu.my)

**Penasihat/Pengerusi:**

Prof. Dr. Mohamed Zakaria  
Hussin

**Kumpulan Editorial:**

*Editor*

Mohd Farhan Shahrin

*Pen. Editor*

Kamarulizwan Kamaruddin  
Mohd Naeem Abd. Hafiz

*Wartawan & Maklumat*

Mohd Naeem Abd. Hafiz  
Noor Hafiz Osman  
Fazli Shariff  
Mohd Fakhruallah Mohd Noh  
Nor Azlina Azizdim  
Siti Zurina Zakaria  
Fazrulazree Mohd Arif

**Info lanjut!**

*Sila Layari:*

<http://www.forr.upm.edu.my/>

**Lawatan International Centre for Bamboo and Rattan, China**

PUCHONG, 27 Mac - Pusat Pendidikan Perhutanan Sultan Idris Shah (SISFEC) telah menerima kunjungan daripada International Centre for Bamboo and Rattan, China.

Seramai dua orang pelawat iaitu Profesor Liu Shirong dan Dr. Junwei

Luan telah dibawa melihat sekitar SISFEC dan melihat kemudahan dan fasiliti yang disediakan untuk kemudahan penyelidikan dan pengajaran. Selain itu, lawatan ini bertujuan bagi bertukar pandangan antara pakar buluh, pakar rotan dan ahli ekologi hutan di Fakulti

Perhutanan

**Lawatan oleh Dekan Institut Pertanian Bogor**

PUCHONG, 3 Okt - Pusat Pendidikan Perhutanan Sultan Idris Shah (SISFEC) telah menerima kunjungan Dekan Institut Pertanian Bogo (IPB) pada 3 Oktober 2017 yang lalu. Tujuan adalah untuk melihat telah

melihat kemudahan dan fasiliti yang disediakan untuk kemudahan penyelidikan dan pengajaran dalam bidang perhutanan dan bertukar pandangan dan idea bagi mengembangkan lagi penyelidikan dan

pengajaran dalam bidang perhutanan di antara dua negara .

***Mengenai Fakulti Perhutanan..***

Fakulti Perhutanan merupakan salah satu daripada Fakulti asas semasa penubuhan Universiti Putra Malaysia (dulu dikenali sebagai Universiti Pertanian

Malaysia) dalam tahun 1971. Misi Fakulti adalah menjadi Pusat Pembelajaran dan Pendidikan yang unggul dalam bidang perhutanan tropika, yang

menyumbangkan bukan sahaja kepada kemajuan manusia dan penerokaan ilmu tetapi juga kepada pembentukan kekayaan dan pembangunan negara.